

PENGARUH AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN
PROFESIONAL (KPP) DENGAN AMALAN
PROFESIONALISME GURU (PG)
DI SEKOLAH RENDAH
DI SEMENANJUNG
MALAYSIA

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

MOHD AIZAT ABU HASSAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

**PENGARUH AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL (KPP)
DENGAN AMALAN PROFESIONALISME GURU (PG) DI SEKOLAH RENDAH
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

MOHD AIZAT ABU HASSAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR PENDIDIKAN
(KEPIMPINAN DAN DASAR PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



Silatanda (✓)

Kertas Projek

Senjana Penyelidikan

Senjana Penyelidikan dan Kena Kursus
Doktor Falsafah / Pendidikan

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 17 Mei 22
.....(hari bulan)..... (bulan) 20__

i. Perakuan pelajar :

Saya, Mohd Aizat bin Abu Hassan, Q20171000624, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (SILA
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
disertasi/tesis yang bertajuk Pengaruh Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)
dengan Amalan Profesionalisme Guru (PG) di Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Madya Dr. Zahari Bin Hashim (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pengaruh Amalan
Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) dengan Amalan Profesionalisme Guru (PG)
di Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah
Doktor Pendidikan (Kepimpinan dan Dasar Pendidikan) (SILA NYATAKAN NAMA
IJAZAH).

19/5/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR ZAHARI BIN HASHIM
PENSYARAH KANAN
Jabatan Pengurusan Pendidikan
Fakulti Pengurusan & Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

UPSM/PS-3/BO 31
Pind. : 01 m/s: 1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL (KPP) DENGAN AMALAN
PROFESIONALISME GURU (PG) DI SEKOLAH RENDAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA

No. Matrik / Matric's No.: Q20171000624

Saya / I : MOHD AIZAT ABU HASSAN
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 19/5/2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MADYA DR ZAHARI BIN HASHIM
PENSYARAH KANAN

Jabatan Pengurusan Pendidikan
Fakulti Pengurusan & Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, tiada kata yang dapat dilafazkan atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT dan kerana kasih sayang-Nya disertasi ini berjaya disiapkan. Disertasi ini merupakan salah satu jihad diri ini dalam perjuangan seorang guru yang semakin lama semakin mencabar. Segala pujian kepada Allah SWT, tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Jutaan terima kasih kepada penyelia-penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Zahari bin Hashim, Dr. Rosnah binti Ishak, Dr. Kamarudin bin Musa dan Dr. Nurul Fadly bin Habidin yang sentiasa membimbing dan membantu sehingga disertasi ini berjaya disiapkan. Jasa yang berbahagia para penyelia yang membimbing dan memberi tunjuk ajar sangat dihargai dan tidak akan dilupakan. Terima kasih juga kepada semua pensyarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi UPSI yang telah mencurahkan ilmu untuk saya dan rakan-rakan. Semoga Allah SWT merahmati anda semua dan membalas budi baik ini dengan ganjaran yang berlipat ganda lagi. Penghargaan buat permaisuri tercinta Nur Raihan binti Mohd Yusof dan putera dan puteri saya Ainul Mardhiah binti Mohd Aizat, Abdullah Raiyan bin Mohd Aizat dan Abdullah Raiqal bin Mohd Aizat atas doa, kasih sayang, kesabaran dan sokongan anda semua sepanjang tempoh pengajian ini. Buat ayahanda serta bonda, Abu Hassan bin Aman dan Aspalella binti Yacob serta adikku Nur Fatin Aliah binti Abu Hassan atas doa dan sokongan anda semua dari zaman pengajian di Institut Pendidikan Guru, Kampus Raja Melewar sehingga ke peringkat kedoktoran pendidikan ini. Terima kasih buat ibu bapa mentua dan keluarga yang sentiasa memberi sokongan, Haji Mohd Yusof bin Hamzah, Hajah Norrizah binti Kassim dan keluarga. Terima kasih rakan-rakan seperjuangan, KPM, JPWPKL, SK Batu Muda (SKBM) dan UPSI serta guru-guru dan para pentadbir SKBM yang memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk menyambung pengajian. Terima kasih kepada semua guru besar yang mengizinkan kajian ini dijalankan di sekolah mereka dan guru-guru yang memberikan kerjasama dalam kajian ini. Jasa kalian tidak dilupakan. Semoga Allah SWT membalasnya dengan ganjaran yang berlipat ganda.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh amalan komuniti pembelajaran profesional dengan amalan profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengkaji pengaruh pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar. Populasi kajian ini melibatkan guru-guru sekolah rendah di Semenanjung Malaysia. Seramai 410 orang guru dipilih menjadi responden melalui persampelan rawak kluster. Dua jenis instrumen digunakan iaitu instrumen Komuniti Pembelajaran Profesional dan instrumen Profesionalisme Guru. Instrumen kajian ini diambil daripada kajian lepas dan telah disahkan oleh 11 orang pakar. Data dianalisis melalui statistik deskriptif dan inferens. Dapatan menunjukkan amalan komuniti pembelajaran profesional berada pada tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan ialah 3.35 dan profesionalisme guru juga berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min keseluruhan ialah 3.45. Ujian-t dan ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan komuniti pembelajaran profesional berdasarkan faktor demografi jantina ($t=0.659$), umur ($F=1.465$), tahap pendidikan ($F=0.194$) dan pengalaman ($F=1.592$). Amalan profesionalisme guru juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor demografi jantina ($t=0.953$) tetapi terdapat perbezaan yang signifikan untuk umur ($F=3.322$), tahap pendidikan ($F=6.533$) dan pengalaman ($F=2.989$). Analisis pekali regresi berganda menunjukkan terdapat dimensi-dimensi komuniti pembelajaran profesional yang mempengaruhi amalan profesionalisme guru di sekolah iaitu dimensi pembelajaran kolektif dan aplikasi pembelajaran, dimensi perkongsian amalan personal dan dimensi keadaan yang menyokong iaitu sebanyak 36.1%. Kesimpulannya, kajian ini berjaya menghuraikan pengaruh komuniti pembelajaran profesional dengan profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia. Implikasi kajian ini memberikan indikator yang jelas kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi yang bernaung di bawahnya terutamanya sekolah rendah mengenai kepentingan komuniti pembelajaran profesional terhadap profesionalisme guru.

THE INFLUENCE OF PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY (PLC) PRACTICE ON TEACHER PROFESSIONALISM (TP) PRACTICE IN PRIMARY SCHOOLS IN PENINSULA MALAYSIA

ABSTRACT

This study aims to examine the influence of professional learning community practices on teacher professionalism in primary schools in Peninsular Malaysia. This study uses a quantitative approach to examine the influence of independent variables with dependent variables. The population of this study involved primary school teachers in Peninsular Malaysia. A total of 410 teachers were selected as respondents through cluster random sampling. Two types of instruments were used, namely the Professional Learning Community instrument and the Teacher Professionalism instrument. The instruments of this study were taken from previous studies and were validated by 11 experts. Data were analysed through descriptive and inferential statistics. The findings show that the level of professional learning community practice is at a high level with an overall mean value of 3.35 and teacher professionalism is also at a high level with an overall mean value of 3.45. The t-test and ANOVA showed no significant differences in professional learning community practices based on demographic factors of gender ($t=0.659$), age ($F=1.465$), level of education ($F=0.194$) and experience ($F=1.592$). While for the practice of teacher professionalism also showed no significant difference based on gender demographic factors ($t=0.953$) but there were significant differences for age ($F=3.322$), level of education ($F=6.533$) and experience ($F=2.989$). Analysis of multiple regression coefficients showed that there were dimensions of professional learning community that influenced the practice of teacher professionalism in schools, namely the dimension of collective learning and learning applications, the dimension of personal practice sharing and the dimension of supporting conditions of 36.1%. In conclusion, this study successfully describes the influence of professional learning community with teacher professionalism in primary schools in Peninsular Malaysia. The implications of this study provide a clear indicator to the Ministry of Education Malaysia and its agencies, especially primary schools, on the importance of the professional learning community to the professionalism of teachers.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xx
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Tujuan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Soalan Kajian	15
1.7 Hipotesis Kajian	16
1.8 Kerangka Teori Kajian	18
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	21
1.10 Kepentingan Kajian	23



1.11 Batasan Kajian	25
1.12 Definisi Operasional	26
1.12.1 Komuniti Pembelajaran Profesional	26
1.12.2 Profesionalisme Guru	29
1.12.3 Guru	32
1.12.4 Sekolah Rendah	33
1.13 Rumusan	33
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	35
2.1 Pengenalan	35
2.2 Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)	36
2.3 Teori dan Model Komuniti Pembelajaran Profesional	40
2.3.1 Teori Organisasi Pembelajaran Peter Senge	41
2.3.2 Model Hord	51
2.3.3 Model Dufour dan Eaker	54
2.3.4 Model Harris dan Jones	56
2.3.5 Model Kruse, Louis dan Bryk	58
2.3.6 Model Murphy dan Lick	61
2.3.7 Model Tai dan Omar	63
2.3.8 Model <i>Professional Learning Community – Centre</i>	65
2.4 Profesionalisme Guru	69
2.5 Teori dan Model Profesionalisme Guru	72
2.5.1 Teori Profesionalisme Guru Sockett	73
2.5.2 Model Tichenor dan Tichenor	77
2.5.3 Model Elliott	80
2.5.4 Model Evans	82

2.5.5	Model Sachs	84
2.5.6	Model Kramer	86
2.5.7	Model “ <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ”	88
2.6	Standard Guru Malaysia (SGM)	92
2.7	Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan	96
2.7.1	Profesionalisme Keguruan	97
2.7.2	Guru Malaysia	98
2.7.3	Laluan Kerjaya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)	99
2.7.4	Mobiliti Laluan Kerjaya PPP	100
2.8	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025	100
2.9	Kajian Lepas Komuniti Pembelajaran Profesional	103
2.9.1	Tahap Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional di Luar Negara	103
2.9.2	Tahap Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional di Dalam Negara	106
2.9.3	Perbezaan Amalan KPP Berdasarkan Demografi	111
2.10	Kajian Lepas Profesionalisme Guru	114
2.10.1	Tahap Amalan Profesionalisme Guru di luar Negara	115
2.10.2	Tahap Amalan Profesionalisme Guru di dalam Negara	117
2.10.3	Perbezaan Amalan PG Berdasarkan Demografi	121
2.11	Kajian Lepas Berkaitan Hubungan dan Pengaruh KPP dan PG	125
2.12	Rumusan	129
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		131
3.1	Pengenalan	131
3.2	Reka bentuk kajian	132
3.3	Populasi dan sampel	133

3.3.1	Prosedur Persampelan Sampel Kajian	135
3.4	Instrumen Kajian	139
3.4.1	Bahagian A - Demografi responden	140
3.4.2	Bahagian B - Komuniti Pembelajaran Profesional	141
3.4.3	Bahagian C - Profesionalisme Guru	143
3.5	Kesahan Instrumen	144
3.5.1	Kesahan Muka	144
3.5.2	Kesahan Kandungan	146
3.5.3	Kesahan Konstruk	154
3.6	Kajian Rintis	155
3.6.1	Ujian Normaliti Kajian Rintis	157
3.6.2	Analisis Penerokaan Faktor (EFA)	157
3.6.3	EFA Komuniti Pembelajaran Profesional	161
3.6.4	EFA Profesionalisme Guru	164
3.6.5	Item-item Yang Digugurkan Selepas EFA	166
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	167
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	170
3.9	Prosedur Penganalisan Data	172
3.9.1	Ujian Outliers	173
3.9.2	Ujian Normaliti	175
3.9.3	Analisis Statistik Deskriptif	178
3.9.3.1	Interpretasi Min	178
3.9.4	Analisis Inferens	179
3.9.4.1	Ujian Levene	180
3.9.4.2	Ujian-T Sampel Bebas	181

3.9.4.3 Analisis Varian Sehala (ANOVA)	182
3.9.4.4 Pekali Regresi Berganda	183
3.9.5 Ringkasan Teknik Analisis Data Kajian	185
3.9.6 Ringkasan Metodologi Kajian	186
3.10 Rumusan	186
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	187
4.1 Pengenalan	187
4.2 Demografi Responden	188
4.3 Analisis Data-data Pemboleh ubah (Min, Sisihan Piawai dan Tahap)	190
4.3.1 Tahap KPP di Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia	191
4.3.2 Tahap PG di Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia	192
4.4 Analisis Perbezaan Min (Jantina, Umur, Tahap Pendidikan dan Pengalaman)	193
4.4.1 Perbezaan KPP Berdasarkan Jantina	194
4.4.2 Perbezaan KPP Berdasarkan Umur	195
4.4.3 Perbezaan KPP Berdasarkan Tahap Pendidikan	196
4.4.4 Perbezaan KPP Berdasarkan Pengalaman	197
4.4.5 Perbezaan PG Berdasarkan Jantina	198
4.4.6 Perbezaan PG Berdasarkan Umur	199
4.4.7 Perbezaan PG Berdasarkan Tahap Pendidikan	200
4.4.8 Perbezaan PG Berdasarkan Pengalaman	201
4.5 Analisis Pengaruh Dimensi-dimensi KPP Terhadap PG	202
4.5.1 Pengaruh Dimensi-dimensi KPP Terhadap Profesionalisme Guru di Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia	203
4.6 Ringkasan Dapatan Analisis Kajian	208

4.7	Rumusan	210
BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN		212
5.1	Pengenalan	212
5.2	Ringkasan Kajian	213
5.3	Ringkasan Dapatan Kajian	214
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	214
5.4.1	Tahap Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) di Sekolah Rendah (SR) di Semenanjung Malaysia	215
5.4.2	Tahap Amalan Profesionalisme Guru (PG) di Sekolah Rendah (SR) di Semenanjung Malaysia	221
5.4.3	Perbezaan KPP Berdasarkan Faktor Demografi (Jantina, Umur, Tahap Pendidikan dan Pengalaman di Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia	226
5.4.4	Perbezaan PG Berdasarkan Faktor Demografi (Jantina, Umur, Tahap Pendidikan dan Pengalaman di Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia	228
5.4.5	Pengaruh Dimensi-dimensi KPP dengan Profesionalisme Guru di Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia	230
5.5	Implikasi Kajian	236
5.5.1	Implikasi Kajian Secara Teoritik	237
5.5.2	Implikasi Kajian Secara Praktikal	239
5.6	Cadangan Penambahbaikan Polisi	239
5.7	Cadangan Kajian di Masa Depan	245
5.8	Kesimpulan	247
RUJUKAN		250
LAMPIRAN		270

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Jadual Pemboleh ubah, Teori dan Model	21
2.1	Model Komuniti Pembelajaran Profesional Kruse, Louis dan Bryk (1994)	60
2.2	Model Komuniti Pembelajaran Profesional Tai dan Omar (Tai & Omar Abdull 2021)	64
2.3	Jadual Ringkasan Model-model Komuniti Pembelajaran Profesional Guru	67
2.4	Jadual Matriks Perbandingan Model Komuniti Pembelajaran Profesional Guru	68
2.5	Model Profesionalisme Guru Evans (2011)	82
2.6	Jadual Model Profesionalisme Guru “Riadhah Ruhiyyah”	89
2.7	Jadual Matriks Perbandingan Model Profesionalisme Guru	90
2.8	Jadual Matriks Perbandingan Model Profesionalisme Guru	91
2.9	Jadual Matriks Tahap Amalan KPP antara Pengkaji	114
2.10	Jadual Matriks Tahap Amalan PG antara Pengkaji	124
2.9	Jadual Matriks Hubungan dan Pengaruh KPP dan PG antara Pengkaji	129
3.1	Bilangan Guru di Sekolah Rendah di Malaysia Mengikut Negeri dan Zon	135
3.2	Bilangan Minimum Responden Kajian Mengikut Zon	137
3.3	Bilangan Sebenar Sekolah dan Responden Kajian	138
3.4	Taburan item bagi Soal Selidik Komuniti Pembelajaran Profesional	142
3.5	Taburan Item bagi Soal Selidik Profesionalisme Guru	143
3.6	Senarai Pakar Kesahan Muka	145
3.7	Senarai Pakar Kesahan Kandungan	147
3.8	Rumusan item yang diterima, dimurnikan dan digugurkan (pusingan 1).	148



3.9	Pemurnian item.	150
3.10	Rumusan Bilangan Item Setiap Dimensi KPP Selepas Pusingan 2	153
3.11	Rumusan Bilangan Item Setiap Dimensi PG Selepas Pusingan 2	154
3.12	Teknik Pensampelan Kajian Rintis	157
3.13	Nilai Kepencongan dan Kepuncakan Setiap Pemboleh ubah	157
3.14	Indeks Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	159
3.15	Petunjuk nilai tahap penerimaan item pengukuran KMO	160
3.16	Jadual KMO dan Ujian Bartlett Komuniti Pembelajaran Profesional	161
3.17	Matriks Komponen Diputarkan Pemboleh ubah Komuniti Pembelajaran Profesional Kaedah Varimax dan Nilai Keseragaman Item	162
3.18	Rumusan Bilangan Item Setiap Dimensi KPP Selepas EFA	163
3.19	Jadual KMO dan ujian Sphericity Bartlett Profesionalisme Guru	164
3.20	Matriks Komponen Diputarkan Pemboleh ubah Profesionalisme Guru Kaedah Varimax dan Nilai Keseragaman Item	165
3.21	Rumusan Bilangan Item Setiap Dimensi PG Selepas Pusingan 2	166
3.22	Item-item yang digugurkan dan sebab digugurkan	167
3.23	Nilai Alfa Cronbach dan Tafsiran Nilai	168
3.24	Nilai Alfa Cronbach Setiap Dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional	169
3.25	Nilai Alfa Cronbach Setiap Dimensi Profesionalisme Guru	170
3.26	Jumlah Pemulangan Borang Soal Selidik	172
3.27	Nilai Kepencongan dan Kepuncakan Setiap Pemboleh ubah	176
3.28	Jadual Interpretasi Tahap Min	179
3.29	Jadual Interpretasi R Kuasa Dua Diselaraskan	184
3.30	Analisis Data Soalan Kajian	185
3.31	Ringkasan Metodologi Kajian	186
4.1	Jumlah Keseluruhan Sampel Berdasarkan Zon dan Negeri	188



4.2	Profil Responden Mengikut Jantina, Umur, Tahap Pendidikan dan Pengalaman Mengajar	189
4.3	Jadual Interpretasi Tahap Min	191
4.4	Skor Min dan Sisihan Piawai KPP dan Dimensinya di Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia	192
4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai PG dan Dimensinya di Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia	193
4.6	Ujian Levene Analisis Perbezaan Min	194
4.7	Tahap KPP (Keseluruhan) Berdasarkan Jantina	194
4.8	Taburan Tahap KPP (Keseluruhan) Berdasarkan Umur	195
4.9	Ujian ANOVA KPP (Keseluruhan) Berdasarkan Umur	195
4.10	Taburan Tahap KPP (Keseluruhan) Berdasarkan Tahap Pendidikan	196
4.11	Ujian ANOVA KPP (Keseluruhan) Berdasarkan Tahap Pendidikan	196
4.12	Taburan Tahap KPP (Keseluruhan) Berdasarkan Pengalaman	197
4.13	Ujian ANOVA KPP (Keseluruhan) Berdasarkan Pengalaman	197
4.14	Tahap PG (Keseluruhan) Berdasarkan Jantina	198
4.15	Taburan Tahap PG (Keseluruhan) Berdasarkan Umur	199
4.16	Ujian ANOVA PG (Keseluruhan) Berdasarkan Umur	199
4.17	Keputusan Ujian Post Hoc Scheffe PG Berdasarkan Umur	199
4.18	Taburan Tahap PG (Keseluruhan) Berdasarkan Tahap Pendidikan	200
4.19	Ujian ANOVA PG (Keseluruhan) Berdasarkan Tahap Pendidikan	200
4.20	Keputusan Ujian Post Hoc Scheffe PG Berdasarkan Tahap Pendidikan	201
4.21	Taburan Tahap PG (Keseluruhan) Berdasarkan Pengalaman	201
4.22	Ujian ANOVA KPP (Keseluruhan) Berdasarkan Pengalaman	202
4.23	Keputusan Analisis Ujian Regresi Berganda 'Stepwise'	203
4.24	Jadual Keputusan Pekali Beta	204
4.25	Jadual Rumusan Model	205



4.26	Jadual Keputusan Pemboleh Ubah yang tidak dimasukkan	206
4.27	Keputusan ANOVA	207
4.28	Keputusan Hasil Ujian ke Atas Hipotesis 3	208
4.29	Ringkasan Dapatan Kajian (Soalan Kajian)	209
4.30	Ringkasan Dapatan Kajian (Hipotesis Nul)	210



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Model Komuniti Pembelajaran Profesional. Diadaptasi daripada “ <i>Learning Together, Leading Together</i> ” oleh Shirley Hord, 2004.	20
1.2	Model Profesionalisme Guru. Diadaptasi daripada “ <i>Comparing Teacher and Administrator Perspectives on Multiple Dimensions of Teacher Professionalism</i> ” oleh Mercedes Tichenor dan John Tichenor, 2009.	21
1.3	Kerangka Konseptual Kajian	22
2.1	Lima Disiplin Organisasi Pembelajaran. Diadaptasi daripada “ <i>The Fifth Discipline</i> ” oleh Peter Senge, 1993.	43
2.2	Proses Organisasi Pembelajaran. Diadaptasi daripada “ <i>Schools that learn</i> ” oleh Senge et al., 2012.	46
2.3	Cabaran Organisasi Pembelajaran. Diadaptasi daripada “ <i>Benefits and Barriers of Learning Organization and its five Discipline</i> ” oleh Yadav & Agarwal, 2016.	50
2.4	Dimensi Profesionalisme. Diadaptasi daripada “ <i>The Moral Base for Teacher Professionalism</i> ” oleh Hugh T. Sockett, 1993.	74
2.5	Dimensi Tipologi Profesionalisme Guru. Diadaptasi daripada “ <i>The Moral Base for Teacher Professionalism</i> ” oleh Hugh T. Sockett, 1993.	75
2.6	Model Standard Guru Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009).	93
2.7	Kerangka Standard Guru Malaysia 2.0 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019a)	96
2.8	Kerangka Konsep Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009).	98
2.9	11 Anjakan Strategik dan Operasi PPPM 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).	102
3.1	Menentukan kadar sampel oleh Chua (2012) dan Krejcie & Morgan (1970)	137
3.2	Prosedur Persampelan Kajian	139



3.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian.	155
3.4	Prosedur Pengumpulan Soal Selidik	171
3.5	Rajah <i>Boxplot</i> Perkongsian dan sokongan kepimpinan	173
3.6	Rajah <i>Boxplot</i> Keadaan yang menyokong	174
3.7	Rajah <i>Boxplot</i> Watak guru	174
3.8	Rajah <i>Normal Q-Q plot</i> Komuniti Pembelajaran Profesional	177
3.9	Rajah <i>Normal Q-Q plot</i> Profesionalisme Guru	177

**SENARAI SINGKATAN**

BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
IAB	Institut Aminuddin Baki
IPG	Institut Pendidikan Guru
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPP	Komuniti Pembelajaran Profesional
LADAP	Latihan dalam Perkhidmatan
PG	Profesionalisme Guru
PIPPK	Pembangunan Profesionalisme Keguruan
PPB	Pembangunan Profesionalisme Berterusan
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPPB	Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2
SR	Sekolah Rendah
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

- A Kebenaran soal selidik dari pengkaji asal
- B Soal Selidik Kajian
- C Surat Lantikan Pakar
- D Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- E Tapak Kajian
- F Item Asal Soal Selidik
- G Laporan Kesahan Pakar
- H Laporan Kesahan Psikometrik
- I Rumusan I-CVI Item Pusingan 2
- J Item-Item Soal Selidik Selepas Kesahan Kandungan
- K EFA Komuniti Pembelajaran Profesional
- L EFA Profesionalisme Guru
- M Biodata Pengkaji
- N Senarai Hak Cipta

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan telah menjadi perbincangan dan isu utama dunia yang dapat menyumbang kepada perubahan yang berkualiti serta memperkasakan masyarakat dunia serta menyokong pembangunan mampan seperti di dalam agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (United Nations, 2015). Sehubungan dengan itu, bagi memastikan dasar dan pembangunan pendidikan di Malaysia supaya selari dengan standard pendidikan antarabangsa, pada tahun 2011 kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kajian menyeluruh sistem pendidikan negara. Ini bertujuan untuk memastikan sistem pendidikan di Malaysia seiring dengan perkembangan semasa dan dapat meningkatkan aspirasi negara serta menyiapkan generasi muda dalam menghadapi masa hadapan, memenuhi harapan ibubapa dan masyarakat terhadap dasar pendidikan kebangsaan seperti yang

terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Salah satu aspek utama dalam meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia ialah melalui peningkatan kualiti sumber manusia dari segi pengambilan, pengurusan prestasi, pengembangan profesionalisme, pembayaran, dan pengagihan beban tugas yang adil (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh sebab itu, mulai tahun 2013 guru-guru telah diberikan lebih sokongan bagi memastikan mereka mencapai tahap maksimum potensi mereka dan sekali gus akan mengembangkan profesionalisme mereka. Guru-guru diberikan latihan komponen teras dan elektif melalui kaedah program Pembangunan Profesional Berterusan (PPB). Sebahagian besar pelaksanaan PPB akan dijalankan di sekolah dan terbukti strategi ini merupakan strategi PPB yang paling berkesan. Kenyataan ini turut disokong oleh Metz dan Tharenou (2001) yang menyatakan PPB dapat meningkatkan kemahiran serta kecekapan teknikal profesional yang diperlukan seperti yang diharapkan oleh pemegang taruh dan profesion. Pelaksanaan PBB yang berjaya bergantung kepada rangkaian rakan sebaya seperti guru pembimbing, guru kanan, guru besar dan ini penting untuk memastikan guru-guru dapat mengekalkan tahap kemahiran mereka berdasarkan kompetensi yang diperlukan oleh guru seperti yang ditetapkan dalam Standard Guru Malaysia (SGM) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009, 2013).

Pada waktu yang sama meningkatkan profesionalisme guru melalui standard-standard yang digariskan dalam SGM yang merupakan hasil daripada cita-cita kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 melalui pembangunan modal insan. Ringkasnya, modal insan merupakan sesuatu yang dapat



dikeluarkan dari seseorang untuk dimanfaatkan dan ia tidak dinilai dari aspek fizikal tetapi lebih penting untuk diamati dari aspek kerohanian seseorang (Mardziah Kamarudin et al., 2018; Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan, 2014). Peningkatan profesionalisme guru di Malaysia adalah berdasarkan acuan Malaysia yang mementing nilai-nilai profesionalisme dan secara umumnya seorang penjawat awam akan mengamalkan nilai utama dalam perkhidmatan awam dan tonggak 12. Amalan nilai profesionalisme guru berdasarkan tiga paksi, iaitu ketuhanan, masyarakat dan nasionalisme. Hanya dengan melaksanakan ketiga-tiga perkara tersebut boleh menjadikan seorang guru itu guru yang cemerlang. Semua pemikiran dan sudut pandang dalam kehidupan seorang guru harus berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan, masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009). Usaha KPM dalam meningkatkan profesionalisme guru tidak terhenti sekadar di SGM, ia diteruskan melalui Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) pada tahun 2016 sebagai sebuah usaha membuat perincian pembangunan profesionalisme guru seperti yang dinyatakan dalam PPPM.

Tujuan utama pendidikan ialah memastikan kemenjadian murid-murid melalui pendidikan yang berkualiti seperti mana yang dinyatakan di dalam PPPM. Penanda aras dalam menentukan kemenjadian sistem pendidikan negara ialah apabila lima aspirasi sistem (akses, kualiti, equiti, perpaduan dan kecekapan) dan enam aspirasi murid (pengetahuan, kemahiran dwibahasa, kemahiran berfikir, etika dan kerohanian, kemahiran memimpin dan identiti nasional) telah dapat dicapai. Untuk mencapai matlamat ini, guru-guru hendaklah berusaha meningkatkan kebolehan diri untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab mengikut huraian tanggungjawab mereka selari dengan perkembangan dunia pendidikan tempatan dan antarabangsa. Oleh sebab





itu, guru-guru hendaklah sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan dan peka terhadap kaedah dan strategi terkini sepanjang masa. Jelaslah bahawa, menguasai kemahiran pendidikan abad ke-21 adalah penting untuk mengoptimumkan hasil terutamanya kemenjadian murid-murid.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia bersungguh-sungguh dalam membangunkan profesionalisme guru, pelbagai program strategik yang dilaksanakan KPM untuk memastikan ia berjaya. Antara strategi-strategi yang dilaksanakan oleh KPM di sekolah ialah Rakan Peningkatan Sekolah (SIP+), Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) serta Rakan Kepimpinan Pendidikan dan Instruksional (ELIT). Strategi-strategi ini diubah daripada sebuah sistem berdiri sendiri kepada sistem sokongan profesional dengan kaedah memformalkan serta menginstitusikan sistem tersebut. Pada waktu yang sama Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia turut menyatakan bahawa Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) hendaklah diteruskan serta diperkasakan supaya ia dibudayakan di semua peringkat dan institut di bawah KPM (Amin Senin, 2019). Beliau turut menyatakan, melalui KPP guru-guru dapat berkongsi pengalaman serta kepakaran mereka di sekolah mereka, guru-guru boleh mengenal pasti masalah di bilik darjah serta menyediakan penyelesaian yang sepatutnya. KPP juga dapat dijalankan pada bila-bila masa serta mengikut keperluan guru-guru, staf dan sekolah tambah beliau.

Dalam pada itu, KPP bukan sahaja dinyatakan di dalam PPPM 2013-2025 tetapi telah mula diperkenalkan kepada guru-guru di Malaysia pada tahun 2011 melalui amalan penswastaan. KPP dipilih kerana ia merupakan trend yang diamalkan di negara-negara maju di mana mereka menjalankan KPP untuk memantapkan serta





meningkatkan profesionalisme guru-guru mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Ini membuktikan bahawa KPM akan kepentingan meningkatkan profesionalisme guru melalui strategi dan kaedah yang dapat memberikan impak positif serta telah terbukti akan keberkesanannya melalui kajian dan bukti-bukti yang ditunjukkan oleh negara-negara maju yang telah berjaya dalam dunia pendidikan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada peringkat global, setiap negara mengamalkan strategi yang berbeza dalam melatih guru sebagai seorang yang profesional. Oleh hal yang demikian, setiap negara memerlukan calon-calon guru yang mempunyai kelayakan akademik yang baik serta berkualiti. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewajibkan semua guru mempunyai kelayakan ikhtisas sama ada di peringkat sarjana muda atau diploma perguruan bagi pemegang ijazah bukan pendidikan. Kebanyakan negara memilih calon-calon yang mempunyai prestasi yang cemerlang dalam pengajaran dan mempunyai watak guru yang baik (UNESCO, 2014; World Bank Group, 2010). Negara-negara maju seperti Singapura contohnya menjadikan bidang perguruan sebagai sebuah profesion yang berprestij dan hanya memilih tiga calon terbaik dalam sekolah tinggi, manakala Finland hanya memilih 10 peratus calon guru yang mampu bersaing ke program perguruan (OECD, 2011).

Dalam pada itu, pendidikan di Malaysia sentiasa mengalami perubahan dan begitu juga pembangunan profesionalisme guru yang kini melalui fasa yang terkini dengan Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB) dan Pelan Induk





Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK). Kedua-dua pelan ini merupakan adalah bukti komitmen KPM dalam membantu peningkatan pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan iaitu guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Sebagai seorang yang profesional, guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam meningkatkan hasil pembelajaran murid-murid dan menguruskan faktor-faktor lain menyumbang kepada kejayaan mereka (D. J. Boyd et al., 2006; Rivkin et al., 2005; Sanders et al., 1996; Sanders & Horn, 1994).

Oleh itu, kesediaan guru-guru untuk proses pengajaran dan pembelajaran perlu disokong oleh pengetahuan, kemahiran, sikap dan amalan untuk meningkatkan profesionalisme guru. Kebanyakan tokoh menyatakan guru perlu memiliki kompetensi dan prestasi yang baik. Guru-guru dicadangkan untuk melibatkan diri mereka dengan isu semasa melalui pembangunan profesional, beretika semasa bertugas dan menunjukkan komitmen serta tanggungjawab kepada masyarakat sekeliling mereka. Dimensi ini telah dikenal pasti oleh Sockett (1993) bagi menganalisis amalan kualiti guru. Guru juga diwajibkan menggunakan sumber yang berbeza, mengadaptasi arahan yang diperlukan, serta menggunakan pelbagai strategi pengawasan dan penilaian. Oleh itu guru dapat melaksanakan matlamat pendidikan nasional dalam menyediakan pengetahuan, kemahiran dan watak guru yang baik dalam masyarakat (Sockett, 1993; Tichenor & Tichenor, 2005).

Seterusnya, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah dilaksanakan di Malaysia, PPPM 2013-2025 dengan jelas mendefinisikan budaya kecemerlangan yang mesti dicapai oleh semua sekolah. Sehubungan itu, pada tahun





2014, Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan yang diperkenalkan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG), menetapkan bahawa kegiatan komuniti pembelajaran profesional (KPP) harus dimasukkan sebagai kegiatan untuk meningkatkan prestasi guru dan sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Secara umumnya, KPP merupakan sebuah proses yang berterusan di mana guru-guru bekerja secara berkolaboratif semasa mereka, membina idea dan berkongsi pengalaman mereka sendiri dan guru lain untuk meningkatkan amalan dan meningkatkan pembelajaran murid-murid. KPP berfungsi dengan anggapan bahawa kunci untuk meningkatkan pembelajaran bagi murid-murid adalah pembelajaran yang merangkumi pendidikan di dalam pekerjaan yang berterusan untuk guru-guru termasuklah aktiviti-aktiviti kolaboratif antara pihak sekolah dengan pihak di luar sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011; Northwest Territories, 2017).



Sejarah pelaksanaan KPP bermula di Amerika Syarikat dan KPP juga telah dilaksanakan di negara-negara yang lain dalam usaha untuk meningkatkan kualiti profesionalisme dalam kalangan warga guru (Stoll et al., 2006). Pelaksanaan KPP adalah untuk mendidik guru-guru dengan menerapkan pelbagai aktiviti penyelidikan serta menambah nilai kepada kualiti pengajaran sebagai wahana peningkatan profesionalisme secara sistematik dan berterusan adalah bertepatan. Pelaksanaan yang konsisten dan terancang harus dilaksanakan supaya KPP dapat memberikan kesan yang maksimum kepada pembudayaan KPP. Ini kerana KPP dapat mengembangkan budaya pembelajaran pada tahap yang tinggi di kalangan guru dengan menerapkan budaya belajar kepada setiap ahli komuniti sekolah. (Hord, 1997). Rentetan kejayaan KPP di barat, KPP mula diperkenalkan ke sekolah oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) pada tahun 2011 dengan melibatkan 289 buah sekolah berprestasi rendah melalui strategi





“Lesson Study”. Usaha KPM memperkenalkan KPP ini diteruskan pada tahun 2012 dengan penglibatan 107 buah sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Bagi memastikan KPP boleh berkembang di sekolah KPM telah melaksanakan penataran dan latihan kepada pengetua dan guru besar di seluruh Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Oleh itu, pemilihan KPP merupakan salah satu langkah untuk meningkatkan kualiti guru, justeru itu pemilihan KPP adalah sangat tepat dan relevan, berdasarkan trend dan perkembangan pendidikan di negara maju. Ini lebih bersesuaian kerana peruntukan untuk pendidikan tidak disalurkan kepada faktor yang memberi impak tinggi seperti latihan untuk meningkatkan kemahiran guru secara berterusan seperti yang di amalkan di negara maju (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) dan KPP juga merupakan salah satu amalan yang berkesan dalam pendidikan. Ini kerana kejayaan pelaksanaan KPP di kalangan guru dianggap sebagai usaha meningkatkan kualiti profesional guru. (Muhammad Faizal A. Ghani & Crow, 2013). Ini kerana KPP juga merupakan amalan penting dalam meningkatkan kualiti guru secara berterusan (Vanblaere & Devos, 2016).

Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia komited dalam melatih guru-guru yang berkualiti, memastikan bahawa individu yang berkualiti tetap berada di sektor pendidikan serta mempertahankan kualiti sepanjang masa perkhidmatan. Standard Guru Malaysia (SGM) dan menggariskan kecekapan profesional yang harus dimiliki oleh guru dan standard yang harus dimiliki oleh institusi latihan guru untuk membantu guru mencapai tahap kompetensi yang diperlukan. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Ini membolehkan guru-guru memberi tumpuan kepada tugas utama mereka





dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan serta sekali gus meningkatkan prestasi sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Begitu juga dengan usaha untuk memenuhi harapan Kementerian Pendidikan Malaysia adalah matlamat yang mesti dilakukan dan dirasai bersama-sama. Justeru itu, untuk mencapai harapan dan cita-cita KPM, peringkat akar umbi sehingga peringkat tinggi perlu memainkan peranan penting. Bagi melaksanakan program yang dirancang, setiap lapisan bidang pendidikan terlibat secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, warga KPM, terutama guru, menjadi asas kepada pendidikan kebangsaan dan kerana kualiti pendidikan dipengaruhi oleh kualiti guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Guru-guru di Malaysia perlu mempunyai kualiti yang selaras dengan standard yang telah ditetapkan oleh KPM. Ini ditambah lagi peranan dan kerja guru kini yang semakin luas, Standard Guru Malaysia mempunyai standard yang didasarkan dari segi kecekapan pekerjaan guru yang perlu dipatuhi oleh semua guru di Malaysia. Tiga standard yang perlu dicapai oleh guru iaitu, pertama - amalan nilai profesionalisme keguruan, kedua - pengetahuan dan kefahaman serta ketiga - kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Ini bertujuan agar sistem pendidikan kebangsaan dapat menghasilkan pendidikan berkualiti yang setaraf dengan peringkat antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009).

Beban kerja guru yang semakin meningkat memberi kesan yang signifikan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran guru, kepuasan kerja dan juga kestabilan emosi. Hal ini mengakibatkan guru perlu bertanggungjawab untuk meningkatkan dan menyempurnakan pengetahuan dan kemahiran dengan pelbagai cara sama ada disediakan oleh sekolah, KPM atau melalui usaha sendiri (Mohd Aizat Abu Hassan &



Kamarudin Musa, 2020; Nurul Atiqah Mustaffa & Faridah Mydin Kutty, 2021). Oleh itu tindakan KPM dalam menjayakan komuniti pembelajaran profesional adalah penting bagi meningkatkan profesionalisme guru dan menjadikan guru lebih berjaya dalam peningkatan kemahiran, ilmu serta memantapkan guru dalam perkhidmatan (Christopher Dulin, 2018; Dima Mazlina, 2015). Kejayaan organisasi pembelajaran yang diperkenalkan oleh Senge dalam bidang perniagaan telah menarik minat sarjana-sarjana pendidikan untuk mengaplikasikannya dalam bidang pendidikan. Kruse, Loius dan Bryk telah membina sebuah kerangka konseptual bagi mengaplikasikan organisasi pembelajaran di sekolah. Maka dengan itu, model komuniti pembelajaran profesional (KPP) mula berkembang dalam bidang pendidikan dan terus dikembangkan oleh banyak sarjana pendidikan seperti Murphy & Lick (2005), Hord (1997, 2004) dan DuFour & Eaker (2008).

Program pembangunan profesionalisme guru di Malaysia bersifat “*top-down*” iaitu kursus-kursus yang disediakan oleh KPM tidak mengambil kira keperluan guru-guru sekolah (Bismillah Khatoon Abdul Kader, 2008). Peningkatan profesionalisme guru adalah bersifat individu dan bukan secara kolektif seperti yang dijalankan di negara maju. Ini bermakna kursus dan program yang dijalankan kurang memberi penekanan perkongsian kemahiran dan ilmu pengetahuan guru daripada guru berlainan sekolah atau daerah (Hussain Waheed et al., 2011) tetapi diberi dalam satu hala serta umum dan ini kurang memberi kesan kepada peningkatan profesionalisme guru. Justeru, pelaksanaan KPP dalam meningkatkan profesionalisme guru merupakan kaedah yang tepat, berkesan dan kolektif sebagaimana yang dicadangkan dalam PPPM 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kajian keberkesanan KPP terhadap profesionalisme guru telah mula dijalankan di barat terutamanya Amerika



Syarikat adalah seawal 1980-an. Bertepatan dengan fenomena itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan serta pengaruh KPP terhadap profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia. Ini kerana KPP telah bermula di Malaysia menghampiri sedekad sejak ia mula-mula diperkenalkan. Justeru itu, kajian ini melihat hubungan dan pengaruh KPP ke atas profesionalisme guru dan ia selaras Malaysia ke arah sebuah negara maju. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi panduan kepada pentadbir dan seluruh warga sekolah untuk berusaha meningkatkan profesionalisme guru untuk mencapai kecemerlangan melalui KPP, dan akhirnya dapat memberi kesan kepada kecemerlangan murid-murid.

1.3 Pernyataan Masalah



Pembangunan profesionalisme guru, sebagaimana yang diutarakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015), Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016) dan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Amin Senin, 2019) pada hakikatnya memerlukan sebuah program pembangunan profesionalisme seperti komuniti pembelajaran profesional (KPP) di mana ia menyediakan persekitaran yang mendorong perkembangan profesionalisme guru seperti tingkah laku, intelektual, amalan, pemikiran dan kemahiran guru, berkolaborasi, berinovasi, berkongsi kepakaran dan pengalaman di sekolah (Admiraal, Schenke, De Jong, Emmelot, & Sligte, 2019; Amin Senin, 2019; Brown, Horn, & King, 2018; Sockett, 1993). Dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan tahap profesionalisme guru masih belum mencapai tahap yang sepatutnya, ini kerana masih terdapat guru-guru yang mempunyai tahap sederhana



tinggi, sederhana dan rendah serta terdapat guru belum menguasai dan gagal dalam dimensi profesionalisme guru (Awatif Abdul Rahman et al., 2019; Jain Chee et al., 2018; Mohd Razdi Omar & Saifullizam Puteh, 2019; Nurul Ashikin Md.Yatim et al., 2020).

Namun, realiti program perkembangan profesionalisme guru yang akan memberi kesan ke atas profesionalisme guru sering kali bersifat “berdiri-sendiri” dan “bersumberkan luar” yang kurang mempunyai hubungan dengan budaya dan program guru-guru (Darling-Hammond, 2017). Selain itu, pelaksanaan amalan komuniti pembelajaran profesional di sekolah turut terkesan dengan halangan-halangan yang menghalang keberkesanannya seperti kurang perkongsian amalan personal, tiada kerjasama antara guru, kurang sokongan dari pentadbir, organisasi serta kurangnya keyakinan terhadap keberkesanan KPP (Salleh Hairon et al., 2014; Vajarintarangoon et al., 2019) dan realitinya, aktiviti komuniti pembelajaran profesional yang dilaksanakan masih belum boleh dibanggakan (Abdul Rahman Idris et al., 2014). Walau bagaimanapun, pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional ini tetap berjalan di mana 10180 guru besar dan pengetua seluruh negara telah diberi latihan serta penataran, perluasan kepada 365 buah sekolah baharu yang menjadikan sebanyak 1548 buah sekolah melaksanakan komuniti pembelajaran profesional sejak 2011 dan dijadikan salah satu strategi meningkatkan profesionalisme guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013, 2015, 2018).

Secara umumnya, kelemahan dalam amalan dan pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional sebagai program perkembangan profesionalisme di sekolah akan menyebabkan implikasi terhadap profesionalisme guru. Antara impaknya ialah



guru tidak mahu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan sedia, guru lebih suka bekerja secara bersendirian atau “*working in silos*”, guru tidak berkongsi kemahiran dan pengetahuan, guru mempunyai tahap kompetensi dan kemahiran yang rendah, dan guru tidak mendapat impak yang sepatutnya ke atas pembinaan identiti guru dan tingkah laku positif, pengetahuan, perbuatan dan keberadaan mereka yang positif dan profesional dalam amalan pedagogi di dalam kelas (Chong et al., 2016; Darling-Hammond, 2017; Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2013, 2014; Netolicky, 2016; Stegall, 2011; Valle & Fuchs, 2015).

Kajian ini memberikan tumpuan kepada sekolah rendah di Semenanjung Malaysia kerana selama ini, kajian komuniti pembelajaran profesional hanya berkisar di sekolah menengah dan proses penambahbaikan sepatutnya bermula dari pihak bawah (Chong et al., 2018; Zuraidah Abdullah et al., 2014). Akhir sekali, isu komuniti pembelajaran profesional dengan profesionalisme guru di sekolah rendah perlu diberi perhatian bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PPPM 2013-2025 seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, faktor demografik seperti jantina, umur, tahap pendidikan serta pengalaman guru juga mempunyai pengaruh kepada profesionalisme guru. Berdasarkan data yang disediakan oleh KPM terdapat perbezaan yang ketara antara jantina guru lelaki dan perempuan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019b). Selain itu, guru muda lebih terdedah kepada idealisme baharu yang boleh membimbing guru berpengalaman untuk meningkatkan pencapaian dan menentukan matlamat kerjaya (Abdul Rahman Abdul Majid Khan, 2014). Manakala dari segi tahap pendidikan pula, kajian menunjukkan guru-guru diploma mempunyai pandangan yang berbeza berbanding guru-guru ijazah sarjana muda dan sarjana di mana semakin tinggi pendidikan guru semakin rendah kurang mereka





membentuk komuniti pembelajaran profesional (Mohd Faiz Mohd Yaakob, 2017; Tabak & Şahin, 2020). Selain itu, guru baharu dan guru berpengalaman mempunyai perbezaan kerana mereka dipengaruhi oleh konteks mereka (Kyndt et al., 2016). Oleh demikian, terdapat kepentingan dalam kajian ini untuk mengkaji komuniti pembelajaran profesional dan profesionalisme guru berdasarkan faktor demografik.

Kesimpulannya, pengkaji cuba melihat tahap amalan komuniti pembelajaran profesional dan amalan profesionalisme guru, perbezaan berdasarkan jantina, umur, tahap pendidikan serta pengalaman dan akhir sekali pengaruh komuniti pembelajaran profesional terhadap profesionalisme guru menjadi lompang akademik yang perlu dipenuhi.



1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pengaruh amalan komuniti pembelajaran profesional (KPP) dengan amalan profesionalisme guru (PG). Di samping itu, tahap amalan komuniti pembelajaran profesional dan profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia turut dikaji. Kajian ini turut melihat faktor jantina, umur, tahap pendidikan dan pengalaman guru-guru mempunyai perbezaan amalan komuniti pembelajaran dan profesionalisme guru.



1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif kajian berikut:

1. Mengenal pasti tahap amalan komuniti pembelajaran profesional dan profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia.
2. Mengenal pasti perbezaan amalan komuniti pembelajaran profesional dan profesionalisme guru berdasarkan faktor jantina, umur, tahap pendidikan dan pengalaman.
3. Menganalisis pengaruh komuniti pembelajaran profesional terhadap profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia.

1.6 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan berikut:

Soalan Kajian 1:

- 1.1 Apakah tahap amalan komuniti pembelajaran profesional di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia?
- 1.2 Apakah tahap amalan profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia?

Soalan Kajian 2:

- 2.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan amalan komuniti pembelajaran profesional berdasarkan faktor jantina, umur, tahap pendidikan dan pengalaman?
- 2.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan amalan profesionalisme guru berdasarkan faktor jantina, umur, tahap pendidikan dan pengalaman?

Soalan Kajian 3:

- 3.1 Adakah dimensi-dimensi amalan komuniti pembelajaran profesional mempengaruhi amalan profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia?

1.7 Hipotesis Kajian

Bagi mencapai objektif kajian dan menjawab soalan kajian di atas, hipotesis-hipotesis nul di bawah dikemukakan.

Soalan kajian 2.1

Ho1(a):Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan komuniti pembelajaran profesional berdasarkan jantina.

Ho1(b):Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan komuniti pembelajaran profesional berdasarkan umur.

Ho1(c):Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan komuniti pembelajaran profesional berdasarkan tahap pendidikan.

Ho1(d):Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan komuniti pembelajaran profesional berdasarkan pengalaman.

Soalan kajian 2.2

Ho2(a):Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan profesionalisme guru berdasarkan jantina.

Ho2(b):Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan profesionalisme guru berdasarkan umur.

Ho2(c):Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan profesionalisme guru berdasarkan tahap pendidikan.

Ho2(d):Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan profesionalisme guru berdasarkan pengalaman.

Soalan kajian 3.1

Ho3(a): Tidak terdapat pengaruh dimensi perkongsian dan sokongan kepimpinan komuniti pembelajaran profesional terhadap amalan profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia.

Ho3(b): Tidak terdapat pengaruh dimensi perkongsian nilai, visi dan misi komuniti pembelajaran profesional terhadap amalan profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia.

Ho3(c): Tidak terdapat pengaruh dimensi pembelajaran kolektif dan aplikasi pembelajaran komuniti pembelajaran profesional terhadap amalan profesionalisme Guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia.

Ho3(d): Tidak terdapat pengaruh dimensi perkongsian amalan personal komuniti pembelajaran profesional terhadap amalan profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia.

Ho3(e): Tidak terdapat pengaruh dimensi keadaan yang menyokong komuniti pembelajaran profesional terhadap amalan profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia.

1.8 Kerangka Teori Kajian

Kajian yang dijalankan perlu berlandaskan teori yang mendasari sesebuah kajian. Melalui pemahaman teori, pengkaji dapat membuat penilaian yang objektif terhadap kajiannya. Teori penting bagi membolehkan pengkaji memahami tingkah laku, perangai, sikap dan pemikiran manusia. Tanpa teori pengkaji tidak dapat mengikat semua fakta daripada kajian kepada suatu konsep atau tema pemikiran yang dapat difahami oleh orang lain (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2018). Kerangka teoritikal kajian ini dibina berdasarkan adaptasi daripada dua teori utama iaitu teori organisasi pembelajaran Senge (1990) dan teori profesionalisme guru Sockett (1993).


Organisasi pembelajaran merujuk kepada ciri, bentuk atau budaya organisasi yang memudahkan anggotanya belajar, memperoleh, mencipta, dan berkongsi



pengetahuan. Ahli dalam organisasi dapat mengembangkan kemampuan mereka dengan hasil yang diinginkan. Dalam proses ini, model pemikiran baru dan berharga akan dipupuk, cita-cita kolektif akan dilepaskan dan anggotanya akan belajar dengan bersungguh-sungguh. (Senge, 1990). Kepentingan organisasi pembelajaran adalah meningkatkan kualiti, meningkatkan perkhidmatan, meningkatkan komitmen, meningkatkan kepuasan kerja, meningkatkan kecekapan, meningkatkan sistem penyampaian dan meningkatkan keberkesanan pengurusan perubahan. (Senge, 1990). Pendekatan disiplin yang dicadangkan oleh Senge (1990) bertujuan membangunkan pembelajaran berdasarkan tiga aspek utama iaitu memupuk aspirasi, membangunkan perbualan reflektif dan memahami kerumitan.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan model Komuniti Pembelajaran Profesional Hord yang diperkenalkan pada tahun 2004. Model Hord (2004) berdasarkan kajian lebih satu dekad mengenai “*reform*” dan “*renewal*” sekolah. Hord tutur menggunakan teori organisasi pembelajaran Senge dalam kajiannya mengenai komuniti pembelajaran profesional. Lima dimensi dalam model Hord seperti dalam rajah 1.1.






Rajah 1.1. Model Komuniti Pembelajaran Profesional. Diadaptasi daripada “*Learning Together, Leading Together*” oleh Shirley Hord, 2004.

Menurut Sockett (1993), asas kepada profesionalisme guru ialah moral guru itu sendiri dan profesionalisme itu digambarkan sebagai tingkah laku dalam perkhidmatan, iaitu bagaimana seorang guru menggabungkan kewajipan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran dalam konteks kesejawatanan (budaya kerja) serta hubungan kontraktual dan etika guru dengan pelanggan (murid-murid). Sockett (1993) menyatakan bahawa profesionalisme sebagai kualiti amalan serta status pekerjaan awam dan pertimbangan seorang guru profesional harus dihubungkan dengan akauntabiliti profesional yang sesuai untuk pembelajaran murid-murid (Sockett, 1996).

Lima dimensi profesionalisme guru yang dinyatakan Sockett (1993) ialah watak, komitmen untuk berubah serta peningkatan berterusan, pengetahuan mata pelajaran, pengetahuan pedagogi dan tanggungjawab serta hubungan kerja di luar bilik darjah. Justeru, dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan model Profesionalisme

Guru Tichenor dan Tichenor yang diperkenalkan pada tahun 2009. Model Tichenor dan Tichenor (2009) dibina berdasarkan teori Profesionalisme Guru Sockett (Sockett, 1993). Empat dimensi dalam model Tichenor dan Tichenor seperti rajah 1.2.



Rajah 1.2. Model Profesionalisme Guru. Diadaptasi daripada “*Comparing Teacher and Administrator Perspectives on Multiple Dimensions of Teacher Professionalism*” oleh Mercedes Tichenor dan John Tichenor, 2009.

Jadual 1.1

Jadual Pemboleh ubah, Teori dan Model


Pemboleh Ubah	Teori	Model
KPP	Teori Organisasi Pembelajaran Senge	Hord (2004)
Profesionalisme Guru	Teori Profesionalisme Guru Sockett	Tichenor & Tichenor (2009)

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini melibatkan dua pemboleh ubah iaitu komuniti pembelajaran profesional (pemboleh ubah tidak bersandar) dan profesionalisme guru (pemboleh ubah bersandar). Komuniti pembelajaran profesional (KPP) adalah berdasarkan model KPP Hord

(2004). Bagi pemboleh ubah bersandar iaitu profesionalisme guru (PG), pengkaji mengadaptasi daripada model PG Tichenor dan Tichenor (2009).

Keseluruhan kerangka konseptual kajian adalah seperti berikut:



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian dalam rajah 1.3 menunjukkan lima dimensi komuniti pembelajaran profesional Hord (2004) iaitu perkongsian dan sokongan kepimpinan, perkongsian nilai, visi dan misi, pembelajaran secara kolektif dan aplikasi pembelajaran, perkongsian amalan personal, keadaan yang menyokong di sekolah rendah Semenanjung Malaysia sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini. Manakala model profesionalisme guru Tichenor dan Tichenor (2009) terbahagi kepada empat dimensi iaitu watak guru, komitmen untuk perubahan dan



penambahbaikan berterusan, pengetahuan subjek dan pedagogi dan penyertaan dalam aktiviti pendidikan di luar ruang kelas, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh komuniti pembelajaran profesional terhadap profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia. Bagi menggabungkan kedua-dua model, pengkaji mengaplikasikan model input-output yang mana KPP merupakan input manakala PG merupakan outputnya. Menurut Tinbergen (1987) model input-output asasnya merupakan alat sains ekonomi yang menerangkan dalam angka bagaimana untuk menghasilkan sesuatu produk (output) berdasarkan bahan yang diterima (input). Berdasarkan model ini, dapat diterangkan bahawa profesionalisme guru dapat dipertingkatkan menerusi komuniti pembelajaran profesional sebagai program perkembangan profesionalisme guru di sekolah dan proses ini berjalan secara berterusan.



1.10 Kepentingan Kajian

Setakat ini, di Malaysia kurang kajian yang berfokuskan komuniti pembelajaran profesional dan profesionalisme guru. Walau bagaimanapun, fokus kajian ini hanya kepada guru sekolah rendah di Semenanjung Malaysia. Kepentingan kajian ini ialah untuk menyediakan maklumat empirikal dan memahami kepentingan pemboleh ubah komuniti pembelajaran profesional (KPP) dan profesionalisme guru (PG) dari aspek teori dan praktikal. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui tahap amalan KPP dan PG, mengenal pasti perbezaan amalan KPP dan PG berdasarkan faktor jantina, umur, tahap pendidikan dan pengalaman serta mengembangkan pengetahuan dan mendalami





pengaruh antara komuniti pembelajaran profesional dengan profesionalisme guru sekolah rendah.

Bagi pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Aminuddin Baki (IAB), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), sekolah dan guru agar hasil dapatan kajian ini boleh digunakan bagi memastikan pelaksanaan KPP seperti yang dicadangkan dalam PPPM 2013-2025 dapat dipraktikkan secara meluas terutamanya dalam meningkat profesionalisme guru. Ini kerana KPP merupakan antara kaedah yang diamalkan oleh banyak institusi pendidikan di dunia terutamanya negara maju dalam membantu meningkatkan profesionalisme warga pendidikan dan staf. Bagi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), hasil kajian ini dapat dijadikan panduan untuk meningkatkan profesionalisme guru sekolah rendah. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan keyakinan KPM untuk memastikan bahawa setiap sekolah melaksanakan KPP, yang merupakan salah satu kaedah untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru. Ini penting untuk memastikan keberkesanan berterusan guru sekolah rendah di seluruh Malaysia.

Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian di peringkat sekolah rendah kerana kurangnya kajian yang berkaitan dijalankan dan diharapkan dapatan kajian ini dapat menjadi kayu pengukur kepada guru-guru untuk mengenal pasti akan tahap amalan KPP yang diharapkan oleh KPM dapat membantu meningkatkan amalan PG mereka. Melalui kajian literatur, didapati kajian lebih banyak dilaksanakan di peringkat yang lebih tinggi seperti sekolah menengah dan sekolah-sekolah berprestasi tinggi. Hasil





kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru menyedari tahap dan faktor yang membantu meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Ini kerana guru yang mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi akan dapat meningkatkan kualiti guru.

Pengkaji turut mengharapkan dapatan kajian ini akan menjadi data empirikal kepada pengkaji-pengkaji lain. Melaluinya, mereka boleh menilai dapatan yang diperoleh bagi melaksanakan kajian berkaitan dalam bidang KPP dan PG. Dapatan kajian ini juga akan memberikan manfaat bagi membantu pengkaji-pengkaji lain untuk mengembangkan ilmu pengetahuan bagi meneroka pengaruh amalan KPP dan PG terutamanya di sekolah rendah.



1.11 Batasan Kajian



Kajian ini merupakan kaedah kajian tinjauan yang melibatkan dua set soal selidik yang digunakan untuk mendapatkan maklumat tahap variasi komuniti pembelajaran profesional (KPP) dan profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia yang memerlukan kejujuran responden bagi mendapatkan maklumat. Pemilihan sekolah-sekolah rendah ini dilakukan sebagai lokasi kajian atas dasar bahawa guru-guru yang terlibat dalam kajian ini mempunyai persamaan dalam aspek kelulusan profesional perguruan dari segi falsafah dan kurikulum, keseragaman sistem pendidikan yang mempunyai polisi dan dasar yang serupa, pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum serta memperoleh peruntukan kewangan dalam jumlah yang hampir sama. Dapatan kajian ini secara umumnya adalah untuk digeneralisasikan kepada keseluruhan sekolah rendah di Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh itu, pengkaji hanya menghadkan



kajian ini di sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Responden kajian ini hanya melibatkan guru-guru yang telah disahkan dalam perkhidmatan, responden kajian dipilih secara rawak. Responden merupakan guru lelaki dan perempuan tanpa mengira jawatan yang dipegang di dalam sekolah. Namun kajian ini tidak melibatkan guru-guru pelatih dan sandaran kerana mereka belum dilantik sebagai guru dan tidak terlibat dengan sekolah secara langsung. Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibangunkan oleh Olivier, Hipp, dan Huffman (2010) untuk mengukur tahap amalan Komuniti Pembelajaran Profesional. Bagi mengukur profesionalisme guru, soal selidik diadaptasi daripada kajian Tichenor dan Tichenor (2009). Kedua-dua soal selidik ini telah diambil dan disesuaikan dengan konteks guru Malaysia terutamanya guru sekolah rendah.

1.12 Definisi Operasional

Di dalam kajian ini iaitu bagi mengkaji hubungan antara pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional dengan profesionalisme guru, beberapa istilah yang digunakan. Istilah-istilah ini didefinisikan seperti berikut:

1.12.1 Komuniti Pembelajaran Profesional

Komuniti pembelajaran profesional (KPP) merupakan program pembangunan guru yang dijalankan di sekolah, ia memberi peluang kepada guru meningkatkan profesionalisme mereka bersama rakan guru secara proaktif (Aziah Ismail et al., 2015).



KPP merupakan sebuah komuniti profesional pelajar dan merupakan usaha guru-guru dan pihak pentadbir sekolah untuk berkongsi pengetahuan. Ia merupakan pembudayaan pembelajaran dalam kelompok guru secara terancang dan sistematik (Dima Mazlina & Abdul Rashid Jamian, 2016; Hord, 1997).

Dalam kajian ini, KPP mempunyai lima dimensi iaitu perkongsian dan sokongan kepimpinan, perkongsian nilai, visi dan misi, pembelajaran kolektif dan aplikasi pembelajaran, perkongsian amalan personal dan keadaan yang menyokong seperti yang dicadangkan Hord (1997).

i. Perkongsian dan sokongan kepimpinan.

Perkongsian dan sokongan kepimpinan adalah organisasi iaitu sekolah berubah kepada komuniti pembelajaran. Ini hanya dapat dilakukan oleh pemimpin iaitu guru besar yang memutuskan untuk berubah dan bersedia untuk mempromosikan pembangunan staf (Hord, 2004). Dimensi ini merujuk kepada peranan pentadbir, seperti guru besar, penolong kanan-penolong kanan, ketua-ketua panitia, dalam usaha menyuntik keperluan mencari pengetahuan kepada guru. Pentadbir yang berkesan akan membantu guru membentuk hubungan yang padu dan bekerjasama untuk meningkatkan kualiti pengajaran bilik darjah (Dima Mazlina, 2015).

ii. Perkongsian nilai, visi dan misi

Nilai dan visi yang dikongsi akan menjadi penghubung individu dengan cara yang lebih bermakna. Atas sebab ini, apabila tujuan ditetapkan dan perkongsian nilai



ditanamkan ke dalam diri, ini akan mengembangkan idea yang mendorong guru-guru untuk bertindak balas terhadap rasa tanggungjawab, dan kemudian menerjemahkannya ke dalam tingkah laku (Hord, 2004).

iii. Pembelajaran kolektif dan aplikasi pembelajaran

Kejayaan kepada program KPP diterjemahkan melalui hasil kemenjadian murid. Data diperlukan daripada ujian termasuk juga aktiviti sekolah untuk menilai kepada hasil pencapaian murid untuk memberikan pembaharuan dilakukan. Menerusi kolaborasi guru-guru dan pemimpin sekolah, mereka boleh berbincang dengan cara yang terbaik apakah tahap kefahaman murid dan seterusnya meningkatkan prestasi mereka (Dufour & Eaker, 2008; Hord, 2004).

Ciri utama dimensi ini adalah perancangan kolektif guru, untuk menyelesaikan masalah dan meningkatkan peluang pembelajaran murid-murid, guru bersama-sama meneroka pengetahuan, kemahiran dan strategi baru, dan menerapkan amalan pengajaran baru untuk kerja harian guru (Zuraidah Abdullah, 2009b).

iv. Perkongsian amalan personal

Golongan guru dan pentadbir sekolah mesti bekerja bersama-sama dan kolaborasi secara natural untuk melaksanakan perkongsian visi, misi dan nilai. Begitu juga fokus kepada matlamat untuk meningkatkan pedagogi pembelajaran bagi meningkatkan pencapaian murid-murid. Guru-guru perlu menerima hakikat tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka untuk meningkatkan kemenjadian murid (Dufour & Eaker, 2008; Hord, 2004).

Guru-guru berkongsi amalan pengajaran mereka dan memerhatikan pengajaran guru-guru yang lain. Melalui pemerhatian, guru dapat berkongsi amalan pengajaran yang ingin diamalkan oleh guru lain dalam pengajaran. Guru-guru juga berkongsi maklum balas mengenai perkongsian dan amalan pengajaran yang dipelajari melalui pemerhatian (Dima Mazlina, 2015).

v. Keadaan yang menyokong

Amalan ini terbahagi kepada dua iaitu dari segi perhubungan manusia dan struktur kejeleketan sesebuah organisasi sekolah (Olivier et al., 2010). Jalinan perhubungan dan kejeleketan ini merujuk lima ciri iaitu, penyayang, percaya mempercayai, hormat menghormati, pengiktirafan dan meraikan kejayaan, berani mengambil risiko dan melakukan perubahan secara usaha bersama yang tertanam dalam organisasi (Hord, 2004; Zuraidah Abdullah, 2009b).

Justeru itu, guru harus saling mempercayai dan menghormati antara satu sama lain. Ini akan melicinkan amalan komuniti pembelajaran profesional dengan berkesan. Di samping itu, kepercayaan menjadi perkara penting yang membolehkan guru saling memberi dan menerima maklum balas dalam usaha penambahbaikan sekolah (Hord, 2004; Zuraidah Abdullah, 2009b).

1.12.2 Profesionalisme Guru

Profesionalisme guru diterjemahkan oleh Evetts (2009) dan Hargreaves (2000) sebagai kelakuan, sikap dan standard yang menjadi panduan kerja guru profesional.



Profesionalisme juga digambarkan sebagai amalan kualiti prestasi, tingkah laku yang diteladani dan sikap dalam pekerjaan, serta kaedah untuk menggabungkan kewajipan, kemahiran dan pengetahuan ke dalam konteks kepercayaan melalui hubungan etika dengan pelanggan (Hoyle, 1980). Sementara itu, Sockett (1993) pula menyatakan profesionalisme merupakan tingkah laku dalam sesuatu pekerjaan. Iaitu bagaimana seorang ahli dalam profesion tersebut seperti guru mengintegrasikan tanggungjawab mereka dengan pengetahuan dan kemahiran dalam konteks kerjasama, kontraktual dan hubungan etika dengan pelanggan.

Dalam kajian ini profesionalisme guru diukur berdasarkan empat dimensi iaitu watak guru, komitmen untuk perubahan dan penambahbaikan berterusan, pengetahuan subjek dan pedagogi serta penyertaan dalam aktiviti pendidikan di luar kelas.



i. Watak guru

Dalam kajian ini watak guru difokuskan kepada sikap dan tingkah laku guru, tingkah laku adalah jumlah tindakan sederhana atau perbuatan seseorang. Manakala menurut Wong dan Wong (2009) sikap profesional didefinisikan sebagai cara seseorang menjalankan tanggungjawab mereka bukan urusan peribadi di dalam urusan rasmi. Sementara itu, sikap didefinisikan oleh McKay dan Hornby (1975) sebagai cara menjaga atau memegang tingkah laku seseorang, serta cara untuk menyatakan perasaan, fikiran, dan sikap. Menurut Calhoun dan Acocella (1990) sikap adalah sekumpulan kepercayaan dan perasaan yang melekat pada objek tertentu dan kecenderungan untuk bertindak terhadap objek dengan cara tertentu. Ini ditangani sebagai kebebasan, kepatuhan terhadap tingkah laku etika, dan kerjasama antara lain.



Dalam kajian ini, sikap dan tingkah guru semasa mereka menjalankan tugasnya sebagai guru di dalam dan di luar sekolah.

ii. Komitmen untuk perubahan dan penambahbaikan berterusan

Guru-guru sedar dalam proses untuk meningkatkan profesionalisme di kalangan mereka, perlu melakukan perubahan dan proses penambahbaikan ini harus berjalan secara berterusan sebagai mana pendidikan itu terus berkembang. Komitmen untuk berubah adalah pemikiran yang seseorang perlu mencapai perubahan yang tertentu yang telah disasarkan (Herscovitch & Meyer, 2002). Manakala, penambahbaikan berterusan adalah strategi penambahbaikan langkah demi langkah kecil. Ini berdasarkan kepercayaan bahawa peningkatan berterusan dapat disebabkan oleh serangkaian perubahan kecil yang tidak pernah berakhir (Keh, 2000). Dalam kajian ini, komitmen untuk perubahan dan penambahbaikan berterusan ialah kesediaan guru untuk melakukan perubahan secara berterusan untuk memastikan profesionalisme guru berkembang.

iii. Pengetahuan subjek dan pedagogi

Semua guru menyedari bahawa mereka harus menguasai dan memahami subjek pengajaran mereka dan bertanggungjawab untuk membantu murid-murid untuk mempelajarinya. Oleh itu guru-guru mestilah menguasai pengetahuan subjek dan pedagogi untuk memastikan pengajaran berjalan dengan jayanya. Pengetahuan subjek adalah pengetahuan dan pemahaman subjek itu sendiri manakala pengetahuan pedagogi iaitu pengetahuan tentang cara menerapkan subjek ketika mengajarnya (Shulman, 1986). Dalam kajian ini, pengetahuan subjek dan pedagogi bermaksud

kebolehan guru untuk menguasai subjek yang diajar dan menyampaikannya kepada murid-murid.

iv. Penyertaan dalam aktiviti pendidikan di luar ruang kelas

Aktiviti pendidikan didefinisikan sebagai proses aktif di mana guru terlibat dalam aktiviti yang membawa kepada perubahan pengetahuan dan kepercayaan (kognisi) dan atau amalan pengajaran (tingkah laku) (Bakkenes et al., 2010). Ia melibatkan proses pemerolehan yang membantu guru untuk mengembangkan proses pembelajaran di kalangan murid, mengembangkan instruksi bersama dalam memahami proses dan objektif pengajaran dan pembelajaran, serta terlibat dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Ia merujuk kepada proses di mana individu atau kumpulan mengubah cara berfikir dan bertindak (Tynjälä, 2008). Dalam kajian ini, aktiviti pendidikan bermaksud aktiviti formal dan tidak formal di mana guru meningkatkan kompetensi mereka dalam mendidik sepanjang perkhidmatan dengan menyertai apa-apa aktiviti pendidikan sama ada yang disediakan oleh KPM atau pihak-pihak luar.

1.12.3 Guru

Guru bermakna seseorang yang berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan mempunyai ikhtisas dalam bidang pendidikan dan mempunyai kemampuan profesional untuk mendidik murid-murid. Terdapat tiga kategori guru iaitu guru terlatih yang sedang mengajar di sekolah, guru terlatih yang sedang mengikuti kursus dalam perkhidmatan di institusi latihan perguruan, dan guru pelatih yang sedang mengikuti



kursus pra perkhidmatan di institusi latihan perguruan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009). Dalam kajian ini, guru adalah seseorang guru yang terlatih dan mengajar di peringkat sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan berkhidmat di negeri-negeri Semenanjung Malaysia serta telah disahkan dalam perkhidmatan.

1.12.4 Sekolah Rendah

Sekolah didefinisikan sebagai sebuah tempat di mana sepuluh atau lebih orang yang diajar di dalam sebuah kelas atau lebih (Malaysia, 2013) dan sekolah merupakan institusi pendidikan yang merangkumi sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah teknik, sekolah pendidikan khas dan sekolah vokasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009). Dalam kajian ini, sekolah rendah meliputi sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan cina dan sekolah jenis kebangsaan tamil di Semenanjung Malaysia.

1.13 Rumusan

Bab ini secara keseluruhannya pengkaji telah menjelaskan tentang latar belakang dan pernyataan masalah kajian yang berkaitan dengan hubungan pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional dengan profesionalisme guru di sekolah rendah di Semenanjung Malaysia. Tujuan, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian serta kepentingan dan batasan kajian telah diperincikan dengan jelas bagi mengemudi pengkaji untuk menjalankan kajian. Sehubungan dengan itu juga, definisi operasi serta



konsep utama yang berkaitan dengan model yang dijadikan rujukan telah dijelaskan dengan terperinci. Di harapkan kajian ini dapat membantu mereka yang berkenaan dan bertanggungjawab bagi memastikan amalan komuniti pembelajaran profesional dapat membantu meningkatkan profesionalisme guru sekolah rendah di Semenanjung Malaysia seperti yang dirangka dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 dapat berjalan dengan lancar. Ini kerana pendidikan awal iaitu pendidikan di sekolah rendah merupakan salah satu cabang dalam bidang pendidikan dan ia sangat penting dan rapuh dalam membina asas kepada murid-murid. Jika pendidikan di peringkat sekolah rendah ini berjaya, ia akan memberikan kemudahan kepada murid-murid kita untuk menempuhi alam persekolahan yang seterusnya dan berjaya dalam kehidupan kelak. Oleh itu, penting untuk memastikan profesionalisme guru terutamanya di sekolah rendah cemerlang.